

Pencuri data disyaki miliki maklumat lain

BERITA HARIAN 13/2/11

Singapura: Seorang warga Amerika Syarikat yang dilapor membocorkan maklumat membabitkan lebih 14,000 individu positif HIV di sini, dipercayai mungkin memiliki pelbagai lagi fail lain, yang diperoleh dari pangkalan data yang sama.

"Kami percaya ada banyak lagi fail dalam simpanannya," kata Menteri Kesihatan, Gan Kim Yong kepada Parlimen, semalam.

Bulan lalu, Singapura mendedahkan identiti suspek terbabit kes membocorkan data itu, adalah Mikhy Farrera Brochez yang diusir dari negara berkenaan tahun lalu, selepas disabitkan dengan pelbagai kesalahan berkaitan dadah dan penipuan, termasuk memalsukan status HIV beliau.

Dalam kejadian itu, Brochez bertindak membocorkan maklumat sulit, termasuk nama, nombor pengenalan diri, nombor telefon dan alamat lebih 5,400 warga Singapura yang positif HIV sehingga Januari 2013.

Beliau turut memuat naik di dalam talian maklumat 8,800 warga asing yang disahkan dijangkiti penyakit itu sehingga 2011.

Selain itu, Kim Yong berkata, pihak polis kini sedang bekerjasama dengan Kerajaan Amerika Syarikat dan agensi berkaitan turut memantau aktiviti di internet, berikutan kekhawatiran berlakunya insiden kebocoran lain.

Namun, beliau tidak menjelaskan maklumat yang mungkin terkandung di dalam fail berkenaan atau faktor apa yang mendorong kerajaan mempercayai bahawa Brochez mungkin mempunyai banyak maklumat.

Kementerian Kesihatan sebelum ini berkata, pihaknya menyedari bahawa Brochez memiliki maklumat rahsia dari Daftar HIV negara itu sejak Mei 2016.

REUTERS